

DATE: 20/09/2007

Cuba iktiraf kejayaan Malaysia

BH-20/9/2007

Mesej akhir Monzon tegas apabila bercakap mengenai isu kemanusiaan

Oleh Jamhariah Jaafar

"USIA 50 tahun sebuah negara dalam sejarah dunia hanya bagi setitik air di lautan luas, hampir tidak membawa sebarang makna. Namun, kejayaan luar biasa Malaysia yang menuju ke status negara maju dalam tempoh singkat ini amat menakjubkan. Ia adalah hasil daripada kemerdekaan, kejujuran, kepemimpinan berdaulat, komitmen rakyat dan kebijaksanaan pemimpinnya.

"Di gelanggang antarabangsa, dunia mengiktiraf kemampuan Malaysia sebagai pemimpin yang sentiasa menegakkan prinsip moral sebagai tonggak utama. Hubungannya dengan negara sedang membangun serta usaha mengembangkan kerjasama Selatan-Selatan sering menjadi keutamaan negara ini.

"Justeru, Cuba mengiktiraf dan mengagumi kemampuan serta kejayaan yang dicapai Malaysia dalam tempoh 50 tahun." Itu adalah mesej Duta Cuba ke Malaysia, MA Pedro Monzon Barata, ketika negara ini meraikan ulang tahun kemerdekaannya pada 31 Ogos lalu.

Itu juga adalah mesej akhir Monzon kepada rakyat Malaysia sebelum beliau meninggalkan Kuala Lumpur, semalam. Duta ini mengaku Malaysia banyak memberi pengalaman dan kenangan manis kepadanya, apa lagi dalam menyuarakan perasaan dan perjuangan rakyat Cuba untuk melepaskan diri daripada ancaman Amerika Syarikat.

Suara lantang, tanpa perasaan gentar dalam menyuarakan perasaan tidak puas hati terhadap sikap kuasa besar mengiringi sentimen Presidennya, Fidel Castro, yang sentiasa memberi pandangan terbuka mengenai penyalahgunaan kuasa AS.

"Dunia mengetahui bahawa lebih satu juta rakyat Iraq terbunuh dan dua juta lagi terpaksa meninggalkan tanah air mereka sejak pencerobohan AS tiga tahun lalu. Ini adalah perkara yang diketahui dunia. Kami di Cuba juga melalui pelbagai ancaman dari kuasa besar itu.

"Tapi seperti rakyat Iraq, kami tidak akan tunduk kepada tekanan sebaliknya akan terus menegakkan kebenaran dan

akan terus menyebarkan perasaan tidak puas hati kami mengenai Amerika Syarikat kepada dunia," kata Monzon tegas apabila bercakap mengenai isu kemanusiaan akibat sikap campur tangan kuasa besar seperti AS dalam pentadbiran negara berdaulat seperti Iraq dan Cuba.

Ketika diminta menemubual mengenai konflik Cuba dan AS ini, terutama membabitkan konspirasi AS untuk menjatuhkan Castro, seseorang tidak dapat lari daripada berasakan kemarahan meluap rakyat Cuba ini ke atas kuasa besar itu.

Wartawan yang pernah menemuramah duta tinggi lampai ini sudah pasti setiap minggu akan menerima pelbagai emel dan surat mengenai pelbagai perkembangan isu yang berlaku, termasuk kenyataan demi kenyataan daripada Castro mengenai AS.

"Kami perlu tegas dalam hal ini kerana Amerika Syarikat menganggap kami umpama 'musuh'. Lima pegawai perisik kami dilayan dan dianggap pengganas di Miami. Mereka terus ditahan, walaupun masyarakat antarabangsa membantah dan bukti telah diserahkan bahawa kelima-lima mereka bukan pengganas.

"Pusat tahanan kejam Amerika di Teluk Guantanamo turut mencemar nama Cuba. Cara Amerika Syarikat mendapat teluk itu juga membuatkan rakyat Cuba semakin marah dan benci kepada negara yang menganggap diri sebagai polis dunia itu," kata Monzon.

Namun, luapan perasaan marah itu menjadi kendur dan sikap sebenar seorang lelaki Amerika Latin terserlah apabila Monzon beralih kepada cerita mengenai tarian samba, seni lukis, filem, apa lagi apabila bercakap mengenai industri pembuatan cerut Cuba yang begitu popular di dunia.

Sejak kali pertama mengenali duta ini hampir tiga tahun lalu, Monzon tidak pernah lekang dengan pakaian kegemaran rakyat Cuba berkemeja serba putih. Beliau sentiasa ranggi, dengan senyuman manis jarang lekang di bibir.


Monzon akan memastikan pengetahuan wartawan mengenai Cuba tidak terhad kepada temu bual di kediamannya, bahkan turut menjelajah ke dunia seni Cuba.

Justeru, wartawan akan menghadiri pel-

bagai pameran lukisan ciptaan beberapa pelukis terkemuka negara itu, atau Pesta Filem Amerika Latin yang memberi bayangan kepada perjuangan sebenar rakyat Cuba yang terus gigih untuk membebaskan diri daripada ancaman Amerika Syarikat, malahan pameran buku hasil nukilan penulis negara yang masih bersandar kepada ideologi komunisme.

Sekiranya ada anugerah di kalangan perwakilan asing di negara ini, Monzon wajar menerima anugerah 'Duta Paling Aktif' di Malaysia dalam tempoh tiga tahun ini. Sikap yang cepat mesra turut menyentuh ramai hati rakyat Malaysia.

Beliau adalah duta paling berjaya menyatu warga dunia tanpa mengira bangsa dan agama, di bawah satu bumbung dengan alunan muzik salsa dan samba mengiringi perbualan yang tidak lengkap tanpa cerut Cuba yang berada di jari tetamu lelaki.



"Kejayaan luar biasa Malaysia yang menuju ke status negara maju dalam tempoh singkat ini amat menakjubkan"

MA Pedro Monzon Barata
Duta Cuba Ke Malaysia

"Di Cuba, sekiranya anda tidak boleh menari salsa, anda tidak akan mampu memikat sebarang gadis. Salsa adalah tarian universal. Rakyat Cuba sungguh ceria, kami bukan sekadar boleh menarik salsa dan samba, bahkan cha-cha, rhumba dan tango. Tarian adalah antara budaya yang menjadi kebanggaan dan kemestian bagi setiap rakyat Cuba," katanya.

Minatnya terhadap salsa menyaksikan Monzon bukan sekadar mengadakan Parti Salsa, bahkan bersama beberapa negara Amerika Latin lain turut menganjurkan Kongres Salsa Latin Sedunia, di Port Dickson, Jun lalu.

"Rakyat Malaysia tidak asing kepada semua jenis tarian dari Amerika Latin ini. Anda pasti terkejut melihat sambutan yang diberi kepada pertandingan seperti ini," katanya.

Monzon juga bekerja keras untuk mengukuhkan hubungan dagang dua hala Malaysia-Cuba. Selain daripada lawatan pelbagai peringkat pemimpin dan pegawai kedua-dua negara, peluang perdagangan turut dimeterai.

Antaranya membabitkan industri bioteknologi, perubatan, pembuatan, sains komputer, malahan Malaysia turut mengimport pakar dari industri sukan negara itu untuk membantu membangunkan dunia sukan negara ini.

Sebagai pengerusi baru bagi Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Monzon berharap Cuba dapat meneruskan usaha Malaysia memantapkan pertubuhan ini. Hubungan baik pemimpin utama kedua-dua negara cukup penting bagi memastikan segala kerja kerasnya selama tiga tahun akan terus subur dan diteruskan penggantinya.

"Presiden Fidel Castro menganggap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai sahabatnya. Dengan Malaysia meraikan ulang tahun kemerdekaan ke-50 pada 31 Ogos lalu, dan Cuba juga tidak jauh daripada meraikan kejayaan yang sama. Saya yakin sudah tiba masanya bagi kedua-dua negara berganding bahu untuk menuju masa depan yang lebih gemilang," kata Monzon menutup bicara sebagai Duta Cuba ke Malaysia.